

D.R. 27/2012

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2012) 2012.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2012

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga belas bilion tujuh ratus sembilan puluh lima juta tiga ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM13,795,345,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2012 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2012 [Akta A1408].

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	360,000,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	112,900,000
B. 10	Perbendaharaan	300,000,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	11,232,000,000
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	10,000,000
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	6,000,000
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	16,028,000
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	60,000,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	404,092,000
B. 27	Kementerian Kerja Raya	445,803,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	2,000,000
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	10,000,000
B. 31	Kementerian Pelancongan	15,000,000
B. 41	Kementerian Pelajaran	195,000,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	40,000,000
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	23,000,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	210,000,000
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	353,522,000
	JUMLAH	<u>13,795,345,000</u>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tiga belas bilion tujuh ratus sembilan puluh lima juta tiga ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM13,795,345,000) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2012.

[PN(U²)2206/VI]